



NEWSLETTER

Disediakan oleh:


ISMAIL ABDUL RAHMAN

Ketua Penolong Pengarah, BPPAS

KAJIAN PENGLIBATAN BUMIPUTERA

ANGGARAN PENDUDUK SEMASA, MALAYSIA 2019


- Pengkelasan kumpulan etnik utama dan kewarganegaraan adalah berdasarkan klasifikasi yang telah diguna pakai semasa Banci 2010.
- Klasifikasi tersebut adalah seperti berikut:



Sumber: Penerbitan Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia 2019




ANGGARAN PENDUDUK PERTENGAHAN TAHUN BAGI PENDUDUK DAN BUMIPUTERA MALAYSIA, 1970-2019



Penduduk Malaysia dianggarkan mencatat peningkatan sebanyak 32.6 juta orang pada 2019 berbanding 32.4 juta orang pada 2018 dengan kadar pertumbuhan penduduk tahunan 0.6 peratus (2018: 1.1%). Manakala, penduduk Bumiputera dianggarkan berjumlah 20.4 juta pada 2019 berbanding 20.1 Juta 2018 (1.5%).

KADAR PERTUMBUHAN TAHUNAN ANGGARAN PENDUDUK PERTENGAHAN TAHUN BAGI PENDUDUK DAN BUMIPUTERA MALAYSIA, 1970-2019



Sumber: Penerbitan Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia 2019

2

DASAR EKONOMI BARU



- Dilancarkan pada 1970 20 tahun (1970-1990)
- Dasar pecah dan perintah British mengakibatkan
 - Perpecahan kaum
 - Pengenalan kaum mengikut aktiviti ekonomi
 - Ketidakeimbangan antara wilayah yang menimbulkan rasa tidak puas hati

- Kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Keempat menunjukkan bahawa pendapatan purata sebenar Isi Rumah telah bertambah baik, iaitu Melayu (RM290.00), Cina (RM565.00) dan India (RM455.00).
- Kadar kemiskinan menurun daripada 49.3 peratus pada tahun 1971 kepada 29 peratus pada tahun 1980 dan kadar ini telah turun kepada 17.1 peratus tahun 1990.

Meningkatkan pendapatan petani, pekebun, nelayan melalui pelbagai program, memperbanyak peluang pekerjaan dan menyusun corak guna tenaga

Memperbanyak kemudahan infrastruktur di luar bandar

Wujudkan kumpulan perusahaan dan perdagangan bumiputera

Peluang pendidikan/biasiswa/buku teks yang meluas kepada semua pelajar miskin

Meningkatkan kualiti hidup melalui kemudahan Kesihatan & memberi bantuan subsidi dan kredit. Membuka dan membangunkan wilayah baru melalui pembukaan tanah ladang: FELDA, FELCRA, JENKKA, DARA, KEJORA

Menyasarkan 30 peratus penguasaan ekuiti bumiputera, 40 peratus bukan bumiputera, 30 peratus pelabur luar Negara

Menubuh agensi seperti MARA, Bank Pembangunan, Bank Bumiputera dan Amanah Saham



DASAR BUMIPUTERA TERPILIH


DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL

- Dilancarkan pada 17 Jun 1991.
- Kesenambungan DEB yang tamat pada 1990
- Dirangka untuk tempoh 1991-2000
- Digubal berdasarkan Wawasan 2020

Aktiviti-Aktiviti DPN:

- Mewujudkan peluang pekerjaan untuk semua golongan rakyat yang menganggur.
- Menambah daya pengeluaran dan pendapatan
- Mengurangkan jurang perbezaan pendapatan antara kaum, antara kawasan bandar dan luar bandar dan antara wilayah.

STRATEGI: Masih mengekalkan strategi Dasar Ekonomi Baru iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula kaum



MATLAMAT:

Mencapai perpaduan Negara melalui pengagihan kekayaan negara melalui pembangunan seimbang antara negeri ke negeri dan kawasan bandar ke luar Bandar melalui 5 perspektif:


PENDAPATAN ISI RUMAH BULANAN PENENGAH DAN PURATA BAGI BUMIPUTERA, 2014 DAN 2016

PURATA



Pendapatan isi rumah bulanan purata bagi Bumiputera telah meningkat sebanyak 6.1 peratus setahun daripada RM5,548 (tahun 2014) kepada RM6,267 pada 2016

PENENGAH




Pada 2016, pendapatan isi rumah bulanan penengah Bumiputera meningkat sebanyak 7.0 peratus kepada RM4,846 berbanding RM4,214 pada 2014

Nota: * Kadar pertumbuhan di kompaun

Sumber: Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016

4



PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH BULANAN PENENGAH DAN PURATA BAGI KETUA ISI RUMAH BUMIPUTERA MALAYSIA, 2014 DAN 2016



Nota: * Kadar pertumbuhan di kompaun

Sumber: Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016

PERBANDINGAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN ISI RUMAH BULANAN PENENGAH DAN PURATA BAGI BUMIPUTERA, 2016



Pada 2016, pendapatan dan perbelanjaan isi rumah bulanan penengah Bumiputera adalah RM4,846 dan RM3,152.

Manakala pendapatan dan perbelanjaan isi rumah bulanan purata Bumiputera RM6,267 dan RM3,712

Penemuan:

- Sumbangan peratusan perbelanjaan penengah Bandar dan Luar Bandar kepada pendapatan masing - masing mencatatkan 63 peratus dan 70 peratus.
- Manakala sumbangan peratusan perbelanjaan purata Bandar dan Luar Bandar kepada pendapatan masing masing merekodkan 58 dan 65 peratus.
- Secara ringkas, pengiraan perbelanjaan kepada pendapatan purata sebulan di bandar. Andaian Pendapatan isi rumah Mak Cik Kiah adalah RM1,000 (100%), maka purata perbelanjaan Mak Cik Kiah dalam RM580 (58%) sebulan.

PENAFIAN: Artikel dalam *newsletter* ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara *ad-hoc* di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan *newsletter* ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

